

23 JUN 1999

Azhar-Keluarga

KELUARGA MERINDUI PELAYAR NEGARA

Oleh: Adnan Jahaya

KANGAR, 23 Jun (Bernama) -- Ketika Datuk Azhar Mansor bertarung dengan ombak untuk memenuhi cita-citanya mengelilingi dunia, keluarganya di Padang Katong di sini kian merindunya.

Bapa pelayar solo negara itu, Mansor Mohd Saad, 78, mengakui bahawa beliau amat merindui Azhar dan sentiasa mendoakan keselamatan anak keempatnya itu.

"Kami hanya mengikuti perkembangannya melalui akhbar dan gambar-gambarnya menjadi pengubat rindu," kata bekas Setiausaha Majlis Bandaran Kangar kepada Bernama hari ini.

Menurutnya, cabaran tiang layar yang patah, ombak ganas, angin mati, ancaman jerung serta puncak gunung bawah laut adalah berita-berita yang menakutkan.

Beliau turut menunjukkan beberapa majalah yang memuatkan kisah pelayaran Azhar dan latar belakang keluarganya.

Mansor yang lebih dikenali sebagai "Pak Chot Hitam" yakin pengalaman Azhar sebagai pelaut selama beberapa tahun akan membolehkan cita-cita anaknya untuk mencatat sejarah sebagai pelayar pertama negara mengelilingi dunia secara solo, menjadi kenyataan.

Azhar, 41, kini mengemudikan Jalur Gemilangnya mengharungi ombak menuju Tanjong Harapan yang berkedudukan kira-kira 2,700 kilometer di hadapannya dalam perjalanan pulangnya ke Pulau Langkawi.

"Kami di sini hanya mampu mendoakan keselamatannya walaupun kami tetap yakin Azhar mampu mengatasi segala cabaran," katanya ketika ditemui di kediamannya di Padang Katong di sini.

Menceritakan detik awal Azhar memulakan pelayaran solonya Februari lepas, Mansor berkata beliau melepaskan anaknya dengan penuh kerelaan apatah lagi ia membawa misi negara.

"Saya tidak menangis apabila Azhar belayar meninggalkan Awana Porto Malai tapi kakaknya (kakak Azhar), Mazura tidak dapat menahan perasaan sayu," katanya.

Mansor berkata, walaupun yakin dengan pengalaman dan kebolehan Azhar, tetapi mereka amat bimbang apabila mendapat tahu tiang layar Jalur Gemilang patah pada 12 April lepas dan Azhar bertarung dengan maut.

"Bayangkan kalau kita berada di situasi Azhar... seorang diri di lautan ganas. Hanya Tuhan yang mengetahui," katanya.

Beliau bersyukur kerana tiang layar gantian dihantar menggunakan perkhidmatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bagi membolehkan Azhar meneruskan pelayarannya.

Mansor berterima kasih kepada kerajaan Malaysia terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang amat mengambil berat terhadap pelayaran itu hingga memudahkan penghantaran tiang layar gantian.

Beliau juga berterima kasih kepada kerajaan negeri Perlis yang menganugerahkan gelaran Datuk kepada Azhar sempena ulang tahun keputeraan Raja Perlis yang ke-82.

Sementara itu, Mazura berkata, beliau amat merindui adiknya dan tidak sabar lagi untuk menemuinya.

Jalur Gemilang dijangka tiba semula di Pulau Langkawi akhir bulan depan.

-- BERNAMA

AD LAT